

**BAB TIGA**  
**KEDUDUKAN MAHAR DALAM ADAT MELAYU DAN**  
**UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

**3.0 PENDAHULUAN**

Masyarakat Melayu sememangnya telah sebatu dengan amalan adat yang telah lama dipraktikkan dalam kehidupan mereka sejak berkurun lamanya. Kedatangan Islam merupakan satu evolusi dan transformasi yang berlaku di kalangan suku-bangsa Melayu di mana kehidupan masyarakat dan kebudayaannya ditransformasi hampir keseluruhannya menjadi Islam dan dengan perlahan mengenyepikan segala bentuk kejahilan bagi membentuk sistem kehidupan dan kemasyarakatan yang beridentitikan Islam.<sup>1</sup>

Namun Islam tidak pernah menolak atau memperkecilkan sistem kemasyarakatan dan kebudayaan Melayu malah menjadikannya sebagai saluran untuk Islam terus berkembang jauh di alam Melayu<sup>2</sup> terutamanya dalam amalan perkahwinan yang masih lagi berpegang kuat kepada adat resam Melayu.<sup>3</sup>

Arus kemodenan yang bergerak seiring dengan kemajuan zaman telah banyak merubah sistem kehidupan manusia. Banyak perkara yang telah dimodifikasi agar sejajar dengan keperluan dan kehendak manusia. Dalam membentuk kehidupan yang lebih praktikal, norma-norma hukum Islam dan sebahagian adat resam ini telah dikodifikasikan dalam bentuk perundangan agar kehidupan manusia lebih sistematik dan teratur.

---

<sup>1</sup> Zainal Kling (2007), "Islam dan Kebudayaan Alam Melayu" (Dialog Budaya Ke-2 : Kebudayaan Sebagai Wahana Keamanan di Pattani, Tahiland pada 2-4 Februari 2007), h.11 dan 12

<sup>2</sup> Zainal Kling (1986), "Kekeluargaan dan Perkahwinan Melayu Penyesuaian Budaya Islam di Alam Melayu" (Seminar Islam dan Kebudayaan Melayu Kali Ke-2 : Islam Dalam Pengukuhan Kebudayaan Melayu, anjuran Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia & Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 13-15 Februari 1986 di Bilik Jumaah UKM).

<sup>3</sup> H.M. Sidin (1964), *Asal Usul 'Adat Resam Melayu*, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, h.4.

Dalam bab ketiga ini beberapa aspek akan dibincangkan mengenai kedudukan *mahar* di dalam adat Melayu, statusnya di dalam sistem perundangan dan amalannya di beberapa negara Islam termasuk Malaysia. Selain itu isi kandungan bab ini turut meninjau tentang hak wanita terhadap *mahar* ini serta isu-isu yang berbangkit mengenainya.

### **3.1 MAHAR DALAM ADAT MELAYU DAN DI SELANGOR**

Alam Melayu dapat ditakrifkan sebagai kawasan geografi yang meliputi seluruh wilayah berkependudukan manusia yang berbahasa Melayu di seluruh Asia Tenggara seperti kelompok rumpun Melayu di Malaysia, Indonesia, Selatan Thailand dan beberapa negara lagi.<sup>4</sup>

Di kalangan orang Melayu, perkahwinan merupakan suatu perkara terpenting dalam kehidupan kerana ia merupakan satu tahap sejarah dalam kehidupan seseorang<sup>5</sup> dan adat resam masih lagi dipakai oleh orang-orang Melayu sewaktu melakukan upacara perkahwinan dan beberapa upacara lain yang mana telah menjadi sendi-sendi hidup bermasyarakat<sup>6</sup> kerana golongan orang tua melihat adat ini sebagai kebiasaan yang diulang-ulang dan telah diterima sebagai peraturan hidup yang mesti dipatuhi oleh masyarakat.<sup>7</sup>

---

<sup>4</sup> Zainal Kling (2007), *op.cit.*, h.4

<sup>5</sup> Amran Kasimin (1995), *Istiadat Perkahwinan Melayu : Satu Kajian Perbandingan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.10

<sup>6</sup> H.M. Sidin (1964), *op.cit*

<sup>7</sup> *Ibid.*, h.6.

Kebanyakan pengkaji kebudayaan berpendapat bahawa upacara perkahwinan orang Melayu ini banyak dipengaruhi oleh adat resam yang diambil dari orang-orang Hindu dari India<sup>8</sup> hasil himpunan dan adunan pelbagai amalan luar yang terkumpul sejak begitu lama.<sup>9</sup> Tetapi setelah kedatangan Islam, segala upacara keagamaan dan adat resam bangsa Melayu ini telah mengalami perubahan apabila masyarakat ketika itu memeluk Islam.<sup>10</sup>

Berhubung dengan *mahar* atau *berian* di negeri-negeri borneo, kaedah adat Melayu mengenainya menunjukkan kompromi di antara Undang-Undang Islam dan adat Melayu yang lama. Dalam Islam hanya terdapat satu bayaran di dalam perkahwinan disebut iaitu *mahar*; sebaliknya adat Melayu memerlukan beberapa pembayaran adat bermula dari pertunangan dan adakalanya berterusan sehingga lahirnya anak pertama atau lebih lewat. Suatu kompromi telah diadakan dengan menganggapkan sesuatu di antara pembayaran adat ini sebagai *mahar* dalam Undang-undang Islam. Pada asalnya *mahar* ini diberikan kepada ibu bapa pengantin perempuan tetapi kini ia telah diserahkan kepada pengantin perempuan.<sup>11</sup>

Di Asia Tenggara, praktik kehidupan masyarakat Melayu yang dipengaruhi adat ini turut terkesan dengan tuntutan dunia yang semakin maju. Dalam sebahagian komuniti, pemberian *mahar* hanyalah dianggap sebagai satu pelaksanaan formal sepertimana yang dituntut oleh agama. Masyarakat Melayu biasanya menentukan tarikh perkahwinan, jumlah *mahar* dan hantaran semasa berlangsungnya majlis pertunangan<sup>12</sup> di samping menetapkan barang-barang yang diperlukan jika melangkah bendul.<sup>13</sup>

---

<sup>8</sup> H.M. Sidin (1964), *op.cit.*, h.1

<sup>9</sup> Amran Kasimin (1995), *op.cit.*, h.1

<sup>10</sup> H.M. Sidin (1964), *op.cit.*, h.4

<sup>11</sup> Ahmad Ibrahim (1999), *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Malayan Law Jurnal Sdn.Bhd, h.61

<sup>12</sup> Abdullah A. An-Na'im (2002), *Islamic Family Law in a Changing World : A Global Resource Book*, London : Zed Books Ltd, h.253-254

<sup>13</sup> Mohtar Muhammad Dom (1977), *Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur : Federal Publication, h.5

Pada kebiasaannya, rundingan mengenai *mahar* dan hantaran belanja kahwin ini ditentukan oleh pihak perempuan dan ianya dinilai berdasarkan kepada status sosial keluarga perempuan dan tahap pendidikannya.<sup>14</sup> Jumlah yang telah ditentukan mengikut adat ini diterima oleh pihak lelaki seandainya difikirkan munasabah dan dalam lingkungan kemampuan pihak lelaki. Jika berlaku sebaliknya dan keputusan tidak dapat diberikan oleh wakil ketika itu, perbincangan tersebut akan ditangguhkan.<sup>15</sup>

Berbeza pula amalan masyarakat Melayu Minangkabau, kebiasaannya pihak perempuan yang akan mengatur perkahwinan dan mengadakan perbincangan dengan keluarga pihak lelaki. Berhubung soal hantaran, pihak perempuan akan memberi pihak lelaki hantaran atau hadiah sebelum majlis perkahwinan manakala pihak suami pula akan menyediakan pelbagai alatan perabot untuk bilik yang akan diduduki di rumah keluarga isteri.<sup>16</sup>

Bagi orang Melayu di Selangor pula yang sememangnya amat beradat dan amat menjaganya terutama dalam hal ehwal perkahwinan, *mahar* dan hantaran ini akan ditentukan semasa pihak lelaki datang untuk mengetahui keputusan daripada pihak perempuan samada menerima atau menolak pinangan daripada pihaknya. Jika pihak perempuan menerima pinangan tersebut, maka di sinilah pihak keluarga akan berbincang mengenai kadar *mahar* dan hantaran.<sup>17</sup>

---

<sup>14</sup> Amran Kasimin (1995), *op.cit.*, h.21

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> Abdullah A. An-Na'im (2002), h.254-255

<sup>17</sup> Mokhyi@Mayikhi Mohd Omar (1993), "Perkahwinan Pada Adat Undang-undang dan Syarak di Selangor Suatu Kajian Perbandingan", (Kertas Projek Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Kuliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa), h.41

Kebiasaanya pihak keluarga perempuan telah berbincang dan bersepakat terlebih dahulu dengan ahli keluarga mengenai kadar *mahar* dan hantaran sebelum mengemukakannya kepada pihak lelaki. Apabila pihak lelaki bersetuju dengan kadar yang ditetapkan, suatu majlis akan diadakan mengikut adat istiadat Melayu Selangor iaitu dikenali sebagai hari pertunangan rasmi atau menghantar tanda.<sup>18</sup>

### **3.1.1 MAHAR DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM SELANGOR 2003**

Dapat kita fahami bahawa kehidupan orang Melayu sering dikaitkan dengan adat dan ajaran Islam termasuklah dari aspek perundangan. Dalam membicarakan hal perundangan di Malaysia, M.B Hooker mengulas bahawa Undang-Undang Islam yang dipakai oleh orang Islam adalah undang-undang yang telah diubahsuai daripada adat Melayu di mana undang-undang diri (*personal law*) orang Melayu merupakan campuran adat Melayu dan Undang-Undang Islam (*Mohammedan Law*).<sup>19</sup>

Berlandaskan metod *siyāsah shar'īah* dan prinsip kaedah fiqh ((التصرف على الرعية)) ((منوط بالمصلحة)) yang bermaksud “tindakan terhadap rakyat bergantung kepada kepentingannya”,<sup>20</sup> ianya menjadi platform bagi sesebuah negara untuk melaksanakan peraturan pentadbiran yang berfaedah dan tidak bertentangan dengan syariah.<sup>21</sup>

<sup>18</sup> Mokhyi@Mayikhi Mohd Omar (1993), *op.cit.*, h.83

<sup>19</sup> M.B. Hooker (1984), *Islamic Law in South-East Asia*, Singapore : Oxford University Press, h.161

<sup>20</sup> Muhammad Usman Syibir, *Qawaid al-Kuliyyah wa Dhawabit al-Fiqhiah fi as-Syariah al-Islamiah*, Jordan: Dar an-Nafais, hal. 352

<sup>21</sup> Abdullahi Ahmed An-Na'im (1990), *Menuju Reformasi Perundangan Islam*, New York: Syracuse University Press, h.151

Di Malaysia, tindakan yang serius dapat dilihat apabila enakmen negeri termasuk Selangor telah mengkodifikasi undang-undang berkenaan *mahar* dan pemberian dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam bagi negeri masing-masing.<sup>22</sup> Tujuannya adalah untuk mengemaskini pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam secara menyeluruh.<sup>23</sup>

Berdasarkan peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, di bawah Seksyen 21(1) ‘mas kahwin’ ertinya pembayaran kahwin yang wajib dibayar di bawah hukum syarak oleh suami kepada isteri pada masa perkahwinan diakadnikahkan dan hendaklah dibayar oleh pihak lelaki atau wakilnya kepada pihak perempuan atau wakilnya di hadapan orang yang mengadnikahkan perkahwinan itu dan sekurang-kurangnya dua orang saksi lain. Seksyen 21 (2) pula menyebut mas kahwin hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar dan merekodkan maklumat yang berkenaan:

- a) nilai dan butir-butir lain mas kahwin;
- b) nilai dan butir-butir lain pemberian;
- c) nilai dan butir-butir lain apa-apa bahagian mas kahwin atau pemberian atau kedua-duanya yang telah dijanjikan tetapi tidak dijelaskan pada masa akad nikah itu, dan tarikh yang dijanjikan untuk penjelasan; dan
- d) butir-butir cagaran yang diberi bagi menjelaskan *mahar* atau pemberian.

---

<sup>22</sup> Sebagai contoh Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Sek.21 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003, Sek.21

<sup>23</sup> Nadia Abdul Rahman (2001) “Konsep *mahar* dan pengamalannya dalam Masyarakat Melayu : satu Tinjauan di Kota Bharu, Kelantan” (Kertas Projek Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Pengajian Islam Universiti Malaya)

Mas kahwin adalah hak mutlak isteri dan boleh dianggap sebagai hutang jika suami gagal membayarnya. Justeru, isteri boleh menuntut mas kahwin atau apa-apa pemberian di mahkamah jika ianya tidak dibayar oleh suami meskipun setelah berlakunya perceraian<sup>24</sup> seperti kes *Salma lwn Mat Akhir*<sup>25</sup>, isteri yang telah dicerai menuntut pembayaran mas kahwin yang masih terhutang sebanyak RM600.

Dalam kes ini, suami menyatakan bahawa isterinya telah menghalalkan mas kahwin tersebut tetapi saksi-saksi mengatakan mereka tidak melihat isteri berlafaz menghalalkan mas kahwin tersebut. Isteri menafikan perkara ini dan telah memanggil dua orang saksi tetapi hanya seorang saksi sahaja diterima kerana seorang lagi adalah bapanya. Isteri diminta bersumpah (*yamin al-ingkar*) mengatakan bahawa dia tidak menghalalkan mas kahwin dan Kadi Besar memutuskan suami supaya membayar mas kahwin yang terhutang itu.<sup>26</sup>

Selain Malaysia, majoriti negara Islam dan beberapa buah negara yang mempunyai minoriti penduduk yang beragama Islam telah memperuntukkan Seksyen dan akta berkaitan mas kahwin seperti Brunei,<sup>27</sup> India,<sup>28</sup> Filipina,<sup>29</sup> Kuwait,<sup>30</sup> Jordan,<sup>31</sup> dan Lubnan.<sup>32</sup>

---

<sup>24</sup> Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003, Seksyen 59.

<sup>25</sup> (1983) 5 JH 161. Lihat kes *Abdul Kadir lwn Hajjah Fatimah* (1970) 2 JH 99.

<sup>26</sup> (1983) 5 JH 161

<sup>27</sup> Undang-undang Keluarga Islam Brunei 1955, Sek.136

<sup>28</sup> *Muslim Women (Protection of Rights on Divorce) Act 1986*, Sek.3 (1) (c) dan (2), Sek.4.

<sup>29</sup> *Code of Muslim Personal Law 1977*, Sek.20

<sup>30</sup> *Code of Personal Status 1984*, Sek.53 dan 59

<sup>31</sup> *Code of Personal Status 1976*, Sek. 45.

<sup>32</sup> *Code of Personal Status 1957*, Sek.16

Hal ini menunjukkan keseriusan Islam dan sesebuah negara dalam memelihara dan melindungi hak wanita daripada didiskriminasi dan ditindas terutamanya ketika berlakunya perceraian. Hakikat ini dapat dilihat di negara seperti Pakistan. Di bawah Seksyen 10, *Muslim Family Laws Ordinance of Pakistan* (12 Julai 1961) memperuntukkan apabila tiada sebarang butiran mengenai cara pembayaran mas kahwin yang ditentukan dalam *Nikāh Nāmah*, atau di dalam aqad, maka keseluruhan mas kahwin akan menjadi *mahar mu'ajjal* atau mas kahwin yang dibayar dengan segera.<sup>33</sup>

Di bawah Seksyen 5 Akta Pembubaran Perkahwinan Orang-orang Islam 1939 (India dan Pakistan) pula menyatakan bahawa tiada apa-apa di dalam akta ini dapat menyentuh hak wanita yang berkahwin mengikut undang-undang Islam terhadap mas kahwinnya atau apa-apa bahagian dari pembubaran perkahwinan dan di Libya, hak-hak wanita telah dilindungi termasuk di dalam perkongsian harta pusaka yang tidak boleh dinafikan di bawah Akta 1959.<sup>34</sup>

Jika kita membandingkan dengan Undang-Undang Sivil, keistimewaan dalam mendapatkan mas kahwin dan pemberian serta tuntutan terhadap kedua-duanya tidak wujud sama sekali.<sup>35</sup> Perubahan-perubahan yang berlaku terutama terhadap pemilikan mas kahwin yang juga dianggap sebagai harta ini telah membuktikan bahawa isteri mempunyai hak yang sama seperti suami dalam memiliki dan melindungi hartanya.

---

<sup>33</sup> Anwar Ahmad Qadri (1973), *Islamic Jurisprudence In The Modern World*, Lahore : Muhammad Ashraf, h.379

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> Zaleha Kamaruddin (1998), "Hak Wanita Di Dalam Undang-undang Keluarga: Antara Reformasi dan Realiti" dalam Ahmad Ibrahim et al. (eds.), *Al-Ahkam : Undang-undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*, jil.6, Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka, h.138



Dengan pengiktirafan ini, secara tidak langsung memberi wanita ruang dan peluang untuk mempertahankan haknya daripada terus diperlekehkan. Melihat kepada perubahan di dalam sistem perundangan keluarga dan perkahwinan di Malaysia dan beberapa buah negara berkenaan mas kahwin, ia menunjukkan reformasi undang-undang keluarga yang berlaku sedikit sebanyak telah membawa perubahan dan menjadi undang-undang keluarga yang lebih efisien.

### **3.1.2 KADAR MAHAR DI NEGERI SELANGOR**

Di bawah Undang-Undang Islam, tiada penetapan kadar pembayaran *mahar* yang ditetapkan. Jika jumlahnya tidak disebut dalam perjanjian perkahwinan, perundangan Islam telah menetapkan wanita tersebut akan mendapat *mahar* yang sepatutnya dan seimbang dengan keadaan serta kedudukannya dalam masyarakat dan ia biasanya ditetapkan mengikut pangkat bapa pengantin perempuan.<sup>36</sup> Hal ini juga telah dinyatakan oleh sarjana Islam yang mengakui adat atau '*urf*' sebagai asas undang-undang terutamanya dalam penentuan *mahar mithil* yang mana ditentukan mengikut kebiasaan, *mahar* adat atau *customary dower*.<sup>37</sup>

Dalam adat Melayu, kadar *mahar* adalah ditetapkan dan biasanya bergantung kepada status sosial atau kedudukan bapa kepada pengantin perempuan.<sup>38</sup> Kebiasaannya kadar *mahar* ini adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan terdapat perbezaan kadar *mahar* yang dikuatkuasakan oleh negeri-negeri di Malaysia.

---

<sup>36</sup> Ahmad Ibrahim (1999), *op.cit.*, h.62

<sup>37</sup> Othman Ishak (2003), *Hubungan antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.40

<sup>38</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azhari (1989), *Undang-undang Keluarga Islam : Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Karya Abazie, h.95

Di Selangor, kerajaan negeri telah menguatkuasakan undang-undang khas mengenai mas kahwin orang-orang Islam sejak 1 Januari 1968 seperti berikut:<sup>39</sup>

| Selangor  | Anak dara       | Janda           |
|---|-----------------|-----------------|
| i. Puteri Sultan  | RM 2,500.00     | RM 625.00       |
| ii. Puteri Raja Muda atau Puteri kepada Putera Sultan yang bergelar | RM 2,000.00     | RM 500.00       |
| iii. Puteri Kerabat   | RM 1,000.00     | RM 250.00       |
| iv. Puteri Anak Raja (Waris)  | RM 550.00       | RM 137.50       |
| Puteri Anak Raja (yang lain)  | RM 300.00       | RM 75.00        |
| v. Anak Perempuan org-org besar                                     | RM 300.00       | RM 75.00        |
| vi. Cucu orang besar  | RM 200.00       | RM 50.00        |
| vii. <b>Orang Kebanyakan</b>  | <b>RM 80.00</b> | <b>RM 40.00</b> |

Jadual 3.1.2 (A) : Kadar *Mahar* Di Selangor Sebelum Dinaikkan  
Sumber : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)<sup>40</sup>

Bermula Januari 2010, kadar *mahar* ini telah dinaikkan daripada RM80 kepada RM300. Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohamed Khusrin Munawi mengatakan kadar *mahar* yang terbaru ini akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2010 dan kenaikan dibuat bagi menyelaraskan semula kadar mengikut perkembangan ekonomi semasa kerana ia tidak pernah dikaji sejak tahun 1968.<sup>41</sup> Beliau turut menyatakan bahawa pindaan ini dibuat bagi meninggikan martabat kaum itu sebagaimana dituntut Islam dan ianya haruslah dinilai dari aspek yang positif. Kadar *mahar* yang baru ini telah pun mendapat perkenan dari Sultan Selangor selaku Ketua Agama Islam Negeri.<sup>42</sup>

<sup>39</sup> Othman Ishak (1982), "Maskahwin Dalam Perundangan Islam", *Jurnal Hukum*, Jil. 3 Bil 1. Oktober 1982, h. 27

<sup>40</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <http://www.islam.gov.my>, 9 November 2010

<sup>41</sup> Kosmo Online – *Mahar Selangor RM300*, <http://www.kosmo.com.my>, 11 November 2010

<sup>42</sup> Selangor Kini Online – *Mahar Selangor dipinda kepada RM300*, <http://www.selangorkini.com.my>, 11 November 2010.

| Selangor  | Anak Dara        | Janda            |
|---|------------------|------------------|
| i. Puteri Sultan  | RM 2,500.00      | RM 625.00        |
| ii. Puteri Raja Muda atau Puteri kepada Putera Sultan yang bergelar | RM 2,000.00      | RM 500.00        |
| iii. Puteri Kerabat   | RM 1,000.00      | RM 250.00        |
| iv. Puteri Anak Raja (Waris)  | RM 550.00        | RM 137.50        |
| Puteri Anak Raja (yang lain)  | RM 300.00        | RM 75.00         |
| v. Anak Perempuan org-org besar                                     | RM 300.00        | RM 75.00         |
| vi. Cucu orang besar  | RM 200.00        | RM 50.00         |
| vii. <b>Orang Kebanyakan</b>  | <b>RM 300.00</b> | <b>RM 300.00</b> |

Jadual 3.1.2. (B) : Kadar *Mahar* Di Selangor Selepas Dinaikkan  
Sumber : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)<sup>43</sup>

Selain daripada bayaran *mahar* ini, terdapat satu lagi bentuk bayaran yang disebut sebagai pemberian. Dari penelitian yang dibuat, didapati bahawa *mahar* merupakan satu bentuk pembayaran yang wajib manakala pemberian pula boleh diertikan sebagai satu hadiah yang diberi secara sukarela samada berbentuk wang tunai ataupun benda yang mungkin lebih dikenali sebagai wang hantaran dan barang hantaran.<sup>44</sup>

<sup>43</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <http://www.islam.gov.my>, 9 November 2010

<sup>44</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azhari (1989), *op.cit.*

### **3.2 HAK WANITA DARI PESPEKTIF UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA**

Kemajuan wanita sering dikaitkan dengan kemajuan negara. Melalui pemberian hak yang sewajarnya, ia membolehkan wanita menyumbang dan memainkan peranannya dengan lebih berkesan.<sup>45</sup> Islam sememangnya meletakkan wanita di kedudukan yang sangat mulia dan memberi jaminan hak dan perlindungan kepada golongan ini. Kewujudan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia yang telah mengadakan peruntukan-peruntukan demi memastikan hak wanita sebagai anak, isteri, seorang ibu dan sebagai janda dijamin dan dilaksanakan seperti yang dituntut dalam Islam.<sup>46</sup>

Meskipun begitu, perbincangan tentang hak wanita di dalam Undang-Undang Keluarga ini tidak boleh disifatkan sebagai satu agenda gerakan pembebasan wanita seperti yang berlaku di barat mahupun dianggap sebagai satu ancaman terhadap kaum lelaki kerana hak wanita adalah salah satu dari cabang hak kekeluargaan yang terdapat di dalam Undang-Undang Keluarga.<sup>47</sup>

Di antara asas yang ditekankan oleh Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia tentang kaum wanita ialah jaminan hak yang cukup bagi mereka mendapatkan keadilan yang sewajarnya dalam urusan kekeluargaan.<sup>48</sup> Antara jaminan hak wanita yang diperuntukan adalah hak pemilikan mutlak terhadap mas kahwin yang dibayar dalam

---

<sup>45</sup> Zaleha Kamaruddin (1998), *op.cit.*, h.120

<sup>46</sup> Mahmud Saedon Awang Othman (1999), "Hak Wanita dalam Undang-undang Keluarga Islam" dalam Abdul Monir Yaacob (ed.), *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara Asean*, Kuala Lumpur : IKIM, h.226.

<sup>47</sup> Zaleha Kamaruddin (1998), *op.cit.*, h.112

<sup>48</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1999), "Wanita Dari Perspektif Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia" dalam Abdul Monir Yaacob (ed.), *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara Asean*, Kuala Lumpur : IKIM, h.230

perkahwinan<sup>49</sup> dan jika terjadi perceraian, mas kahwin tersebut tetap menjadi milik isteri mengikut hukum syarak.<sup>50</sup>

Peruntukan ini adalah bertujuan untuk memastikan hak wanita terhadap mas kahwinnya, serta pemberian-pemberian direkod dengan lebih teratur agar ianya dapat dipastikan dengan jelas dan tepat terutamanya jika berlaku sebarang pertikaian antara suami dan isteri. Lazimnya mas kahwin di Malaysia disebut semasa akad nikah dan dibayar secara tunai mahupun sebagai hutang.<sup>51</sup>

Jika diperhatikan, melalui peruntukan di dalam Seksyen 21 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003, secara jelasnya Seksyen ini tidak memberi ruang kepada mas kahwin yang tidak disebut atau ditetapkan yang biasanya dirujuk kepada *mahar mithil* jika timbul pertikaian. Sekatan kepada jenis *mahar* ini adalah untuk mengelakkannya menjadi amalan di dalam masyarakat di rantau ini dan adalah lebih baik untuk menjamin hak seorang isteri.<sup>52</sup>

Begitu juga dengan peruntukan dalam Seksyen 57 yang bertujuan untuk memastikan hak seorang isteri terhadap mas kahwinnya tidak terjejas dan sebagai pengukuhan kepada Seksyen 21 terdahulu.<sup>53</sup>

Selain daripada jaminan terhadap mas kahwin, wanita juga diberi keistimewaan hak dalam mendapatkan nafkah ‘iddah,<sup>54</sup> bayaran muta’ah apabila diceraikan<sup>55</sup> dan jaminan hak untuk bersetuju atau tidak bersetuju untuk berkahwin.<sup>56</sup> Jelas di sini, wanita dalam

---

<sup>49</sup> Selangor, Sek .21. ; Wilayah, Sek. 21

<sup>50</sup> Selangor, Sek.59 ; Wilayah, Sek.57.

<sup>51</sup> Mahmud Saedon Awang Othman (1999), *op.cit.*, h.197

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> Mahmud Saedon Awang Othman (1999), *op.cit.* , h.217

<sup>54</sup> Kelantan, Sek. 53

<sup>55</sup> Wilayah, sek. 51

<sup>56</sup> Kelantan, sek. 13; Wilayah, Sek. 13

perspektif Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia sememangnya diletakkan di tempat yang tinggi dan seolah-olah menjadi objektif paling asas bagi undang-undang keluarga ini iaitu untuk membela kedudukan wanita dalam rumahtangga.<sup>57</sup>

Meskipun telah banyak pembaharuan yang dibuat dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia bagi menjamin hak-hak wanita, sebenarnya masih luas lagi ruang untuk pembaharuan yang lebih mantap dilakukan agar undang-undang itu sesuai dengan Wawasan 2020 dan berada sejajar dengan masa walaupun tidak *'head of time'*.<sup>58</sup> Begitu juga tanpa kesedaran dan sikap positif kaum wanita terhadap segala apa yang ada dalam undang-undang ini, ianya tidak akan mendatangkan faedah dan kebaikan kepada mereka.<sup>59</sup>

### **3.3 ISU BERBANGKIT DALAM AMALAN PEMBERIAN MAHAR**

Walaupun transformasi dan perubahan yang ketara telah berlaku berkenaan hukum perkahwinan orang Islam, namun masih terdapat lagi perbincangan dan isu yang ditimbulkan termasuklah perihal *mahar* ini. Di Malaysia khususnya, Musa Awang<sup>60</sup> telah menimbulkan beberapa persoalan mengenai *mahar* ini, di antaranya adalah perbezaan jumlah *mahar* setiap negeri di Malaysia, keduanya tentang kadar minimum *mahar* dan yang ketiga, kewajaran jumlah *mahar* ditetapkan oleh pemerintah atau diserahkan kepada masyarakat untuk menentukan jumlah *mahar*.<sup>61</sup>

---

<sup>57</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1999), *op.cit.*, h.236

<sup>58</sup> Haji Razali Haji Nawawi (1998), "Hak-hak Wanita Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor" dalam Ahmad Ibrahim et al. (eds.), *Al-Ahkam : Undang-undang keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*, jil.6, Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka, h.89

<sup>59</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1999), *op.cit.*

<sup>60</sup> Beliau merupakan *Timbalan Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia*.

<sup>61</sup> Pandangan ini diolah dari artikel yang ditulis oleh Musa Awang dalam ruangan Peguam Syarei Menulis <http://peguamsyarie.org>, 27 Julai 2010.

Di beberapa negeri di Malaysia, kadar *mahar* ini telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri dan berbeza-beza antara negeri. Seharusnya nilai *mahar* ini diselaraskan dan diseragamkan di semua negeri di Malaysia di samping mengkaji keperluan membezakan *mahar* antara anak dara dan janda kerana tidak terdapat nas yang jelas yang membezakan *mahar* antara anak dara dan janda.<sup>62</sup>

Syarak tidak menghadkan kadar minimum atau maksimum *mahar*. Kerana itu Islam menyerahkan masalah menentukan jumlah *mahar* ini berdasarkan kemampuan dan tradisi masing-masing. Justeru, untuk menentukan banyak atau sedikitnya *mahar* ini terpulang di atas persetujuannya kedua belah pihak dan berdasarkan taraf atau darjat pengantin tersebut.<sup>63</sup>

Namun demi menjaga *masalahah 'ammah* umat Islam hari ini agar jumlah *mahar* tidak diletakkan sewenang-wenangnya atau direndahkan ke tahap yang boleh merendahkan status wanita, adalah wajar bagi pemerintah menetapkan jumlah *mahar*<sup>64</sup> seperti yang turut dilaksanakan di negara Mali di dalam Akta *The Marriage & Guardianship Code of Mali* ( 3 Februari 1962), di bawah Artikel 3, ia menyatakan *mahar* dan pemberian perkahwinan mengikut adat mestilah tidak melebihi 20,000 *frans* bagi wanita muda (*jeune fille*) dan 10,000 bagi wanita dewasa (*femme*).<sup>65</sup>

---

<sup>62</sup> *Ibid.*

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> <http://peguamsyarie.org>, *op.cit*

<sup>65</sup> Anwar Ahmad Qadri (1973), *op.cit.*, h.379.

Melihat perkembangan ekonomi di Malaysia hari ini, adalah tidak wajar kadar *mahar* diletakkan serendah RM12.00 atau RM22.50. Maka sudah sampai masanya negeri-negeri yang lain mencontohi tindakan Kerajaan Selangor untuk mengkaji semula kadar *mahar* kerana aturan tersebut telah dilaksanakan sejak 30 tahun yang lalu serta menyelaraskan kadar *mahar* tersebut di antara negeri-negeri.<sup>66</sup>

Sewajarnya juga, nilai yang telah ditetapkan menjadi kadar minimum *mahar* dan diseragamkan di semua negeri termasuk negeri-negeri yang sebelum ini tidak menetapkan kadar *mahar* seperti Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis. Pemerintah berperanan menetapkan jumlah minimum *mahar*, tetapi masyarakat diberi pilihan muktamad untuk menentukan kadar maksimum *mahar* atas persetujuan kedua belah pihak kerana syarak tidak pernah menghalang untuk berbuat demikian, jika telah dipersetujui.<sup>67</sup>

Isu berkaitan *mahar* yang berat bukanlah satu perkara baru dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Fenomena ini turut terjadi di negara-negara Islam yang lain. Keterlaluan dalam menetapkan kadar *mahar* bukan sahaja sesuatu yang membebankan, malah seolah-olah menggambarkan 'harga' bagi seseorang wanita. Mereka beranggapan bahawa meletakkan *mahar* yang tinggi adalah lambang kemuliaan keluarga dan keagungan wanita tersebut.<sup>68</sup>

Walaupun senario ini mungkin berlaku atas alasan menjaga status sosial keluarga perempuan ataupun sebagai lambang 'kekuasaan' suami terhadap isteri tetapi bagi sarjana barat seperti David Pearl, beliau merasakan faktor yang lebih rasional dan munasabah meletakkan *mahar* yang tinggi adalah sebagai jaminan masa depan golongan wanita

---

<sup>66</sup> <http://peguamsyarie.org>, *op.cit*

<sup>67</sup> *Ibid*

<sup>68</sup> *Mahar*, <http://www.scribd.com>, 9 November 2010.



terhadap sebarang kemungkinan seperti berlakunya perceraian yang tidak adil kepada isteri ataupun kematian suami di usia muda.<sup>69</sup>

Pada masa yang sama, beberapa komplikasi juga akan timbul dalam penetapan *mahar* yang tinggi terutamanya jika ia dibayar secara tangguh. Pembayaran *mahar musamma* secara tangguh ini tidak dinafikan sebenarnya dapat membantu pasangan muda yang mahu berkahwin bagi memberi mereka ruang mengukuhkan ekonomi dan kewangan. Mungkin faktor ini juga menjadi asas kepada negara Pakistan menetapkan Rs 5,000 sebagai nilai maksimum *mahar* yang dikuatkuasakan melalui Seksyen 3 Akta *Dowry & Bridal Gifts (Restriction) 1976*.<sup>70</sup>

Selain itu, kesan daripada ketiadaan penetapan kadar maksimum *mahar* ini juga menyebabkan pihak suami agak keberatan membayar jumlah *mahar* yang tertangguh dengan melengah-lengahkan pembayaran yang kadang-kala mencapai sehingga sepuluh tahun. Justeru, mahkamah seharusnya menetapkan tempoh agar suami menjelaskan kesemua jumlah *mahar* meskipun pada kadar yang tinggi seperti mana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.<sup>71</sup>

---

<sup>69</sup> David Pearl (1979), *A Textbook on Muslim Law*, London : Croom Helm, h.59

<sup>70</sup> Tahir Mahmood (1983), *Muslim Personal Law : Role of The State in The Indian Subcontinent*, Nagpur : All India Report Ltd, h.60-61

<sup>71</sup> Tahir Mahmood (1983), *op.cit.*, h.60

Satu lagi konflik yang wujud dalam masyarakat Islam adalah kekeliruan mereka dalam memahami konsep bayaran *mahar* dan bayaran selain *mahar*.<sup>72</sup> Istilah *mahar* ini apabila diterjemahkan ke Bahasa Inggeris bermaksud 'dower' dan maksud ini sering disamakan dengan istilah 'dowry' dan juga 'bride-price' yang bermaksud bayaran hantaran perkahwinan yang tidak terdapat dalam Islam.<sup>73</sup>

Adat perkahwinan Muslim di negara-negara seperti India, Bangladesh dan Pakistan yang mewajibkan pihak perempuan membayar hantaran kepada pihak lelaki (*dowry*) yang bertentangan dengan syarak kerana seharusnya pihak lelaki wajib memberikan *mahar* kepada pihak perempuan.<sup>74</sup>

Walaupun Akta *Dowry Prohibition* diwujudkan pada 1961 di India telah memperuntukkan akta yang mengharamkan bayaran hantaran atau apa-apa bayaran di dalam perkahwinan kecuali bayaran *mahar*, namun amalan ini tetap berlaku dan sekatan terhadapnya dilihat seperti tidak serius.<sup>75</sup>

Ekoran dari hal ini, menyebabkan majoriti golongan wanita di negara-negara ini menjadi mangsa keganasan dan kekejaman akibat kegagalan membayar wang hantaran malah di Bangladesh akibat daripada krisis ekonomi, kebanyakan wanita yang berkahwin di usia muda dibunuh kerana kegagalan memenuhi permintaan bayaran hantaran yang melampau.<sup>76</sup>

---

<sup>72</sup> Werner F. Menski (1990), "The Reform of Islamic Family Law and Uniform Civil Code for India" dalam Chibli Mallat & Jane Connors (eds.), *Islamic Family Law*, London: Graham & Trotman. h.278-279

<sup>73</sup> Pascale Fournier (2010), "Flirting With God In Western Secular Courts : Mahr In The West" , *International Journal of Law, Policy and The Family*, Bil 24 (1), h. 67

<sup>74</sup> Werner F. Menski (1990), *op.cit.*

<sup>75</sup> Abdullah A. An-Na'im (2002), *op.cit.*, h.208-209

<sup>76</sup> *Ibid*

Fenomena 'Dowry-Death' ini dikatakan bermula apabila Seksyen 304-B Kanun Keseksaan diperkenalkan rentetan daripada statistik kematian wanita yang semakin meningkat akibat dibakar dan dcederakan kerana kegagalan mereka membayar wang hantaran.<sup>77</sup>

Lubnan dan Morocco juga merupakan antara negara yang telah memperuntukkan secara khusus undang-undang yang melarang keluarga pengantin perempuan meminta wang untuk keperluan persiapan perkahwinan dan di selatan Yaman pula perbelanjaan perkahwinan mesti dikongsi oleh kedua-dua pasangan pengantin.<sup>78</sup>

Tahir Mahmood menganggap kesemua praktik pembayaran di dalam perkahwinan yang tidak mengikut Islam seperti wang tunai mahupun barangan berharga yang diberi oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan kerana permintaan ataupun sebagai keperluan perkahwinan sebagai satu bebanan dan bencana di dalam masyarakat negara ini. Justeru, sekatan melalui perundangan dilihat sebagai jalan yang terbaik bagi membendung gejala yang tidak sihat dalam masyarakat.<sup>79</sup>

---

<sup>77</sup> J.P. Bhatnagar (2000), *Law Relating to Women and Their Rights*, New Delhi : Ashoke Law House, h.410

<sup>78</sup> Tahir Mahmood (1995), *Status of Personal Law in Islamic Countries – History, Texts and Analysis*, New Delhi : India and Islamic Research Council, h.252

<sup>79</sup> Tahir Mahmood (1995), *op.cit.*, h.251

## **5.0 KESIMPULAN**

Institusi perkahwinan merupakan sejauh institusi yang terpenting dalam sesebuah masyarakat. Realitinya, samada di Malaysia mahupun negara-negara Islam yang lain, praktik upacara perkahwinan ini banyak dipengaruhi adat dan tradisi tempatan. Kegunaan hukum Islam yang diperbagaikan oleh lain-lain unsur hukum seperti adat tempatan, undang-undang baru malah dari pendapat fuqaha' dilihat sebagai satu bentuk toleransi dan kekenduran (*flexibility*) dalam penentuan hukum selagi ianya tidak berlawanan dengan prinsip Islam.<sup>80</sup>

Pengiktirafan oleh fuqaha' terdahulu yang mengakui '*urf*' dan adat pada sesuatu zaman yang tertentu sebagai suatu kebiasaan yang berjalan seiring dengan hukum Islam meskipun setengah daripadanya tidak dimasukkan sebagai sumber undang-undang.<sup>81</sup> Dengan ini boleh dikatakan bahawa sesetengah daripada kelaziman adat yang sesuai boleh dijadikan sebagai suatu ikatan hukum (*binding authority*).

Namun, sejauh mana amalan adat ini diaplikasikan terutamanya dalam pembayaran perkahwinan seperti *mahar* dan seumpamanya perlu diperhalusi agar masyarakat tidak tersepit dan dibebani antara keperluan adat dan kehendak agama demi mengekalkan keharmonian alam sejagat.

---

<sup>80</sup> Othman Ishak (2003), *op.cit.*, h.146.

<sup>81</sup> *Ibid.*, h.147.